

Penurapan jalan - keselamatan penduduk terjaga

Oleh: Nurul Musfirah binti Mazni Fairuz



Jalan yang sudah diturap sepenuhnya.

SERI MENANTI- Pada 17 November 2020 sebatang jalan dengan anggaran sepanjang satu kilometer telah selesai diturap sepenuhnya oleh Majlis Daerah Kuala Pilah dengan Kerjasama Ketua Majlis Pengurusan Ketua Kampung (MPKK) Kampung Merual.

Tujuan jalan ini diturap adalah bagi menjaga keselamatan serta kesejahteraan penduduk kampung disini. Keadaan jalan yang sebelum ini dilaporkan sangat tidak memenuhi spesifikasi jalan untuk dilalui oleh semua kenderaan termasuk pejalan kaki.

Tambahan pula, ditepi jalan tersebut terdapat sebuah kolam memancing ikan bersaiz besar yang kedudukannya lebih tinggi dari permukaan jalan. Hal ini turut membimbangkan penduduk kampung kerana apabila hujan air dari kolam tersebut melimpah ke jalan dan akan menyebabkan jalan tersebut dipenuhi air dan menyukarkan kenderaan melaluinya.

Selain itu, ditepi sebelah lainnya terdapat sebuah perigi yang berkedalaman 20 meter dan jika air memenuhi jalan dikhuatiri pemandu tidak dapat mengesan kedudukan perigi tersebut.

Menurut Megat Abu Bakar, ketua MPKK Kampung Merual, jalan ini perlu diturap kerana ia membahayakan keselamatan penduduk kampung terbabit.

Selain itu, terdapat juga pelbagai aduan kerosakan kepada kereta serta kesukaran melalui jalan tersebut diterima. Jalan ini berada dalam keadaan itu sejak bertahun lamanya.

Ini kerana masalah ini belum mendapat perhatian pihak sepatutnya kerana kampung ini berada agak jauh di pedalaman.

Jalan raya ini akhirnya selesai dibaiki dan diturap semula selepas aduan kerosakan dikemukakan semula pada Mei 2020 dan mendapat perhatian dari pihak terbabit pada September 2020.

"Menerusi peruntukan sebanyak RM 160,000 projek penurapan ini dapat dijalankan sepenuhnya dan mengambil masa selama tiga bulan untuk disiapkan," katanya.

Katanya lagi, antara masalah yang dihadapi ketika kerja penurapan dijalankan adalah sebahagian penduduk kampung tidak mahu tanah mereka digunakan walaupun sedikit.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Daerah terpaksa menggunakan alternatif lain untuk menyelesaikan kerja penurapan jalan tersebut.

Beliau berharap jalan tersebut boleh bertahan selama beberapa tahun dan masalah seperti ini tidak akan berulang semula